

10 DEC 1999

Profil-Aziz

SETIAUSAHA POLITIK PM KINI TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, yang baru dilantik sebagai Timbalan Menteri Pendidikan merupakan Setiausaha Politik Perdana Menteri.

Beliau mengangkat sumpah sebagai senator pada 3 Nov lepas untuk tempoh tiga tahun mulai 2 Nov lepas.

Abdul Aziz, 62, berkhidmat sebagai pegawai khas kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejak 1975.

Beliau dilantik sebagai Setiausaha Politik pada 1981 apabila Dr Mahathir menggantikan Tun Hussein Onn sebagai Perdana Menteri.

Abdul Aziz berkelulusan Maktab Perguruan Sultan Idris dan mempunyai ijazah Sarjana Muda Hubungan Antarabangsa.

-- BERNAMA

NHD AKD